



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 1 November 2025

Untuk Terbitan Media
1 November 2025

SIARAN MEDIA

MYFUTUREJOBS BANTU KURANGKAN KADAR PENGANGGURAN DI SABAH

KINABATANGAN: Keberkesanan penempatan kerja melalui MYFutureJobs dikenal pasti sebagai faktor penyumbang utama dalam penyusutan kadar pengangguran di Sabah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, berkata statistik menunjukkan kadar pengangguran di Sabah susut kepada 6.2 peratus pada suku kedua tahun ini, berbanding 6.7 peratus, suku sebelumnya.

Katanya, kejayaan itu menyaksikan jumlah penganggur di Sabah berkurang daripada 144,500 orang kepada 120,300 orang dalam tempoh berkenaan.

"Berpandukan data ini, Sabah merekodkan pengurangan lebih 20,000 orang penganggur. Program MYFutureJobs seliaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pula menyaksikan seramai 11,966 pencari kerja berjaya ditempatkan setakat Oktober tahun ini.

"Dari aspek tawaran kekosongan jawatan pula, setakat 24 Oktober 2025, sebanyak 93,782 kekosongan jawatan ditawarkan di Sabah. Angka-angka ini menunjukkan kesan positif MYFutureJobs dalam membantu rakyat Sabah mendapatkan pekerjaan.

"Angka-angka ini juga menterjemahkan komitmen berterusan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam memperkasa pasaran kerja tempatan, bukan hanya di Sabah tapi di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama perasmian Karnival LINDUNG Kerjaya MYFutureJobs @ Lamag Kinabatangan 2025 yang menawarkan lebih 500 peluang pekerjaan, dengan menyasarkan belia, graduan, pencari kerja aktif serta peniaga kecil.

Tambah Abdul Rahman, penganjuran karnival tersebut membuktikan komitmen kerajaan untuk mendekati segenap lapisan masyarakat, memastikan tiada golongan yang tercicir, termasuk masyarakat luar bandar di Kinabatangan.

"Saya menyeru kepada rakyat Sabah yang memerlukan pekerjaan untuk terus berhubung atau hadir ke Pejabat PERKESO berhampiran untuk mendapatkan bantuan. Kami sentiasa ada untuk anda, usah risau," ujarnya.

Karnival LINDUNG Kerjaya MYFutureJobs @ Lamag menawarkan pelbagai aktiviti dan

peluang pekerjaan untuk warga Kinabatangan, seperti temu duga terbuka dengan penyertaan lebih 11 majikan daripada pelbagai sektor, pendaftaran percuma akaun MyFutureJobs untuk pencari kerja dan majikan serta khidmat kaunseling kerjaya.

Selain itu, khidmat nasihat perlindungan sosial daripada PERKESO dan taklimat produk perkhidmatan di bawah LINDUNG Kasih dan LINDUNG Kendiri turut disediakan buat pengunjung selain pameran interaktif dan cabutan bertuah.

Pengarah PERKESO Sabah, Dr Mohd Ali Hindia pula berkata, penganjuran karnival kali ini membuktikan iltizam PERKESO untuk terus turun padang, membawa perkhidmatan PERKESO kepada rakyat.

“Melalui program ini, kami dapat memperkenalkan produk LINDUNG kepada semua golongan pekerja, termasuk petani, nelayan, peniaga kecil dan pekerja sendiri agar mereka memahami kepentingan perlindungan sosial.

“PERKESO bukan sekadar membantu ketika musibah, tetapi menjadi rakan strategik dalam membina masa depan yang lebih terjamin buat rakyat Sabah khususnya,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

1 November 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my